

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 OGOS 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/276259>

Kerajaan kaji kurangkan AP, IP bagi turunkan harga barang – Rafizi



Rafizi Ramli

SHAH ALAM – Satu kertas dasar sedang dibangunkan untuk mengkaji bagi mengurangkan Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP) bertujuan menurunkan harga barang khususnya barangan import.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kertas dasar ini dijangka dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) tidak lama lagi.

"Ini akan secara langsung membantu meningkatkan kuasa beli rakyat dan meringankan kesan inflasi," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, terdapat juga ruang untuk memperbaiki peraturan anti-monopoli dan persaingan untuk memastikan pasaran lebih kompetitif.

"Dengan meningkatkan persaingan, harga barang dan perkhidmatan akan menjadi lebih berpatutan," ujarnya.

Jelasnya, pengawalan inflasi dan peningkatan kuasa beli rakyat adalah komponen kritikal Ekonomi Madani.

"Pendekatan ini akan dilaksanakan dalam cara yang inklusif, berkesan, dan berkekalan untuk memastikan kesejahteraan rakyat," katanya.